

16 NOV 1998

APEC-BERITA-JELEK (LEAD)/I

UCAPAN AL GORE PALING JELEK DALAM HIDUP SAYA, KATA RAFIDAH

Oleh: Azlina Aziz and Durga Varma

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz membidas ucapan Naib Presiden AS Al Gore pada jamuan makan perniagaan Apec malam ini adalah yang paling menjelekan kerana pemimpin No 2 di Amerika itu menyokong rusuhan dan demonstrasi di jalanan di Malaysia.

Rafidah yang jelas marah yang turut menghadiri majlis itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini memberitahu Bernama "ia adalah ucapan yang paling jelek beliau pernah dengar di dalam hidupnya dan satu campur tangan yang terang-terangan di dalam hal ehwal dalaman Malaysia."

Berucap kepada lebih 1,000 pegawai kanan kerajaan dan pemimpin-pemimpin industri dari Lingkaran Pasifik, Gore menimbulkan kemarahan banyak tetamu Malaysia yang hadir apabila beliau merujuk kepada orang ramai yang terbabit dalam pergerakan reformasi sebagai orang-orang "berani."

"Saya terkejut tokoh seperti Al Gore menyokong rusuhan dan tunjuk perasaan dan menggelar pergerakan itu sebagai kuasa rakyat dan malahan berkata mereka yang terbabit di dalam gerakan "reformasi" adalah rakyat berani Malaysia. "Ini adalah campur tangan langsung di dalam hal ehwal dalaman negara ini," kata Rafidah. "Saya harap saya tidak pernah mendengar ucapan yang jelek seumpama itu sekali lagi. Pandangannya begitu tidak ada pertimbangan langsung."

Ulasan Gore agak ketara sebagai pencerobohan ke dalam hal ehwal sebuah negara lain dan melintas sempadan diplomasi antarabangsa, serupa dengan sikap tidak sopan yang ditunjukkan oleh Setiausaha Negara AS Madeleine Albright semalam.

Albright, yang turut menghadiri mesyuarat peringkat menteri Apec di sini, bercakap mengenai pandangan AS sama madsa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menghadapi tuduhan rusuh dan salah laku seksual, akan diberikan perbincangan yang adil.

Rafidah berkata bahawa ulasan Gore mencerminkan kesempitan fikiran sesetengah orang yang tidak faham apakah keadaan sebenar di sini."

"Itu adalah sikap paling jelek dan saya kasihan rakyat Amerika. Saya ada banyak kawan Amerika berpangkalan di sini yang beria-ria meminta maaf kerana sikap naib presiden mereka itu," kata Rafidah.

Katanya malah sungguh kerja baik Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) telah dirosakkan oleh Gore malam ini.

Apabila ditanya oleh seorang pemberita asing sama ada beliau marah, menteri itu mengulangi kenyataannya bahawa beliau jelek sama sekali dengan apa yang dikatakan oleh Gore.

Rafidah berkata kekecewaan oleh pegawai Amerika itu tidak patut berlaku dan begitu banyak keghairahan yang telah ditunjukkan oleh mereka yang terbabit dalam Apec.

Tetapi Rafidah mempertahankan bahawa walaupun ucapan Gore itu, semangat Apec tidak akan luntur.

Menteri itu berkata begitu banyak diharapkan di dalam Apec di mana orang benar-benar menyumbang buah fikiran mereka untuk mencapai pemujaan ekonomi.

Mengenai sama ada ucapan seumpama itu dijangka, katanya, "Kita sentiasa menjangka syarahan-syarahan daripada orang... kita biasa sangat tetapi tidak pernah di dalam cara yang begitu jelek dan biadab, dan campur tangan di dalam hal ehwal tempatan. Saya maksudkan seseorang patut beritahu beliau tentang kelakuannya."

Apabila ditanya mengenai apa pandangan Dr Mahathir (Mohamad Perdana Menteri Malaysia) mengenai ucapan itu, Rafidah berkata: "Tidak, perdana menteri kita mungkin tidak sekasar saya tetapi saya pasti beliau berasa hati."

-- BERNAMA
TM SHY OS